

JABATAN PEMBANGUNAN KOPERASI MALAYSIA

PEKELILING KEMAJUAN PENTADBIRAN/PENGURUSAN KOPERASI BILANGAN 1 TAHUN 1993

PANDUAN PENGURUSAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOPERASI

Dikelilingkan Kepada:

Semua Koperasi Berdaftar Seluruh Malaysia

Pendaftar-pendaftar Koperasi Negeri

Pegawai-pegawai JPK

Tujuan

1. **Pekeliling** ini adalah bertujuan memberi garis panduan kepada koperasi seluruh Malaysia untuk menguruskan dan mengendalikan Mesyuarat Agung Tahunan secara teratur mengikut peraturan dan undang-undang selaras dengan kehendak Akta Koperasi dan Undang-undang Kecil Koperasi masing-masing

Menghayati serta yakin dan komited untuk mendukung teras dan nilai-nilai koperasi.

Latarbelakang

2. **Mesyuarat Agung Tahunan** merupakan forum kepada anggota-anggota koperasi untuk mengetahui dan menilai pengurusan dan prestasi koperasi sejak setahun yang lalu. Anggota-anggota koperasi juga boleh menegur, mengawal dan mengambil tindakan yang perlu jika wujud sebarang kelemahan, kesalahan dan penyelewengan dalam koperasi.
3. **Mesyuarat Agung** merupakan **KUASA** yang tertinggi sekali dalam struktur pengurusan koperasi. Dengan ini Mesyuarat Agung merupakan majlis utama untuk anggota-anggota koperasi menimbang, memutuskan dan meluluskan sebarang cadangan yang berkaitan dengan perancangan masa depan koperasi khususnya dalam tempoh satu tahun akan datang.

Faedah Pekeliling Panduan Pengurusan Mesyuarat Agung

4. Panduan ini adalah diharapkan dapat membantu koperasi dari segi :-
 - 4.1 Memandu koperasi dalam membantu persiapan awal sebelum Mesyuarat Agung diadakan
 - 4.2 Melicinkan dan memastikan urusan Mesyuarat Agung berjalan dengan teratur dan betul.
 - 4.3 Menentukan perkara-perkara penting dalam hal ehwal koperasi diberi perhatian dan diperbincangkan dengan teliti dalam Mesyuarat Agung.
 - 4.4 Memastikan tiada perkara-perkara yang tidak jelas berbangkit atas keputusan-keputusan yang telah dibuat dalam Mesyuarat Agung.

Tarikh Gunapakai

5. Pekeliling ini boleh digunapakai mulai daripada tarikh Pekeliling dikeluarkan.